

UNTUNG BERSIH SUKU PERTAMA TAHUN KEWANGAN 2023 SUNWAY REIT SUSUT KEPADA RM96.46 JUTA

 [bernama.com/bm/ekonomi/news.php](https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php)

5 March 2023



03/05/2023 08:27 PM

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Keuntungan bersih Sunway Real Estate Investment Trust (Sunway REIT) bagi suku pertama tahun kewangan 2023 berakhir 31 Mac 2023 menyusut kepada RM96.46 juta daripada RM106.32 juta yang dicatatkan pada suku yang sama tahun lepas, manakala hasil meningkat kepada RM182.80 juta daripada RM153.97 juta sebelumnya.

Ia memaklumkan keuntungan yang lebih tinggi setahun lepas disebabkan oleh keuntungan tidak direalisasi yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh keuntungan penilaian daripada pengambilalihan Sunway Pier pada 17 Jan 2022.

Sunway REIT terdiri daripada segmen perniagaan utama berikut – penyewaan premis runcit dan pejabat, pemajakan premis hotel, premis berkaitan perkhidmatan, perindustrian dan lain-lain dengan pajakan jangka panjang.

Kumpulan itu berkata pendapatan realisasi yang boleh diagihkan kepada pemegang unit meningkat 10 peratus tahun ke tahun kepada RM91.52 juta bagi suku dalam tinjauan berbanding RM83.13 juta bagi suku yang sama tahun lepas disebabkan suku yang kukuh daripada segmen runcit.

Hasil runcit bagi suku dalam tinjauan berjumlah RM126.26 juta, 28 peratus lebih tinggi daripada tempoh yang sama setahun lepas disebabkan oleh prestasi keseluruhan yang bertambah baik hartanah runcitnya kecuali Pasar Raya Besar SunCity Ipoh.

Peningkatan dalam hasil itu disumbangkan terutamanya oleh Sunway Pyramid Mall (RM94.35 juta) dan Sunway Carnival Mall (RM18.41 juta).

Segmen hotel mencatatkan hasil sebanyak RM18.47 juta bagi suku dalam tinjauan, menyusut sedikit daripada RM18.52 juta setahun lepas.

Hasil daripada segmen pejabat meningkat sedikit kepada RM20.40 juta berbanding RM19.48 juta setahun lepas disokong oleh pengembalian sewa dan penghunian yang stabil.

Melangkah ke hadapan, syarikat itu berkata pihaknya optimistik dengan berhati-hati mengenai prospek tahun ini disokong oleh jangkaan momentum pertumbuhan yang mampan dalam runcit, pemulihan berterusan dalam segmen hotel, sumbangan pendapatan setahun penuh daripada sayap baharu Sunway Carnival Mall dan Hotel Sunway Resort selepas pengubahsuaian.